

**Muhyiddin Lawat Perlis 12 Jan Depan
Bernama
29 Disember , 2011**

KANGAR, 29 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan melakukan lawatan kerja sehari ke Perlis pada 12 Jan ini dan dijadual bertemu pemimpin serta penduduk di tiga kawasan Parlimen.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Md Isa Sabu berkata pertemuan itu dijadual berlangsung di Dewan 2020 bagi Parlimen Kangar, Dewan Komuniti Beseri (Parlimen Padang Besar) dan Dewan Simpang Empat (Parlimen Arau).

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kelab Komuniti 1Malaysia Kampung Ujung Bukit, Bintong hari ini Md Isa berkata Muhyiddin juga dijadual bertemu pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) negeri pada sebelah pagi.

Md Isa, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis, berharap Timbalan Perdana Menteri akan turut mengumumkan sesuatu semasa lawatan kerja beliau ke Perlis kali ini.

Mengenai kedudukan BN dan Umno negeri dalam berdepan Pilihan Raya Umum ke-13, beliau berkata semua pihak tidak boleh berasa selesa sebaliknya perlu bekerja keras bagi menjamin kemenangan parti.

Md Isa, yang juga Pengerusi BN Perlis, bagaimanapun yakin BN akan terus mendapat mandat memerintah Perlis selain merampas kembali kerusi Dewan Undangan Negeri Simpang Empat dan Sanglang yang dikuasai PAS.

Beliau juga percaya BN mampu mengekalkan kerusi yang diwakili MCA di Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan dan Titi Tinggi, walaupun dipercayai DAP mungkin meletakkan calon mereka.

Mengenai hubungan dengan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Md Isa berkata mereka tidak bermusuhan malah pada minggu lepas, bekas Menteri Besar Perlis itu turut serta melakukan lawatan kerja ke Kampuchea, dan sepanjang lawatan itu, hubungan mereka amat mesra.

"Kami tidak pernah berkelahi kerana kami sedar kalau kami berkelahi, tidak ada siapa yang akan menang, sebaliknya akan memberi keuntungan kepada parti lawan," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637088>